



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
(JURNAL HARIAN)**

---

**PADA HARI KHAMIS, 10HB., RAMADHAN 1445 / 21HB., MAC 2024  
(HARI KETUJUH BELAS)**

**1. Do'a Selamat**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI RASMI KERANA JAWATAN**

2.1.1. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya pada Hari Rabu, 20hb Mac 2024 oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

**2.2. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

2.2.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A.

2.2.2. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah diberikan peluang bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya pada Hari Rabu, 20hb Mac 2024 oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

2.2.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, iaitu:

- i. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;
  - Menyeru agar agensi *Authority for Info-communications Technology Industry* (AITI) dan *International Telecommunications Union* (ITU) untuk mewartakan rangka kerja perlindungan

- kanak-kanak yang dapat diakses secara terbuka untuk orang awam secara dalam talian;
- Memohon penjelasan mengenai status rangka kerja Strategi Nasional Perlindungan Dalam Talian Kanak-Kanak Brunei Darussalam dan kemajuan pelaksanaannya.
- ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;
- Menyeru penelitian semula mengenai isu komunikasi bagi permohonan lesen memandu di kalangan pekerja warga asing yang tidak fasih berbahasa Melayu dan Inggeris terutamanya bagi kelas memandu dan ujian bertulis; dan
  - Menyeru Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) untuk bersedia mengendalikan proses mendapatkan lesen memandu bagi pekerja warga asing.
- iii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;
- Menyoalkan mengenai tindakan rancangan sementara untuk memperbaiki kelemahan pengangkutan darat awam; dan
  - Menyoalkan jika Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ada menubuhkan *task force* untuk membantu merealisasikan dan menjadikan Brunei Darussalam hab perhubungan udara *Brunei Darussalam–Indonesia–Malaysia–Philippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) dan rangkaian kereta api Inter-Borneo.
- iv. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;
- Menyoal mengenai perancangan Majlis Keselamatan Jalan Raya Brunei Darussalam dalam memperluaskan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan penuntut-penuntut sekolah dan apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai.

- v. Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan;
  - Mencadangkan untuk mengenalkan aplikasi teksi air seperti aplikasi *Dart* bagi kemudahan pengangkutan Kampong Ayer dan juga turut memantau harga bagi perkhidmatan teksi air.
  
- vi. Yang Berhormat Awang Lau How Teck;
  - Ingin mengetahui tindakan dalam menangani cabaran *queue management* yang mengambil tempoh masa yang lama semasa pengendalian kargo *Brunei Fertilizer Industries (BFI)* sehingga menjejaskan kerja pemunggahan dan penghantaran kontena yang lain;
  - Menyoalkan jika terdapat perancangan dan pelaksanaan untuk menambah jumlah *quay cranes* di *Muara Container Terminal*; dan
  - Ingin mengetahui jika terdapat inisiatif pihak kerajaan untuk mengawal harga perkhidmatan teksi dan mencadangkan kadar pembayaran perkhidmatan seumpamanya diberikan piawaian harga yang berpatutan selaras dengan perjalanan dan destinasi yang hendak dituju.
  
- vii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
  - Ingin mengetahui perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan bas awam di Negara Brunei Darussalam dan jumlah terkini bagi syarikat-syarikat yang beroperasi dalam menyediakan perkhidmatan bas awam.

2.2.4. Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

### **2.3. KEMAJUAN**

- 2.3.1. Jawatankuasa telah menimbangankan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan iaitu Tajuk SP01A.
- 2.3.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kemajuan Negara dan Tajuk-Tajuk di bawahnya.

2.3.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, iaitu:

- i. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
  - Menyoalkan sekiranya projek-projek mengukuhkan infrastruktur *ICT* memberikan tumpuan kepada penambahan menara pancaran di kawasan-kawasan *low signal receiver* khususnya di kawasan pedalaman; dan
  - Ingin mengetahui perkembangan pembinaan Pusat Data *Unified National Networks* Sdn Bhd (UNN) pada masa ini.
- ii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;
  - Ingin mengetahui pendekatan yang dicari oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam memantapkan kecekapan sistem pengangkutan awam; dan
  - Menyeru agar sistem pintar bagi pengangkutan awam Negara Brunei Darussalam hendaklah dicekapkan dengan segera untuk mendukung sektor-sektor lain dan ekonomi negara.
- iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;
  - Mencadangkan sekolah-sekolah baru yang akan dibina di bawah peruntukan ini adalah bangunan *energy efficient* yang menggunakan tenaga solar;
  - Menyatakan bahawa beberapa sekolah perlu diberikan perhatian dan memerlukan pembaikan segera serta pemeriksaan struktur dan *safety features*;
  - Ingin mengetahui jika ada kajian yang telah dibuat mengenai *household income* dan kebergantungan rakyat kepada kerajaan bagi menyediakan perumahan awam;

- Mengharapkan peruntukan bagi industri pelancongan dapat dikaji semula dan ditambah pada masa akan datang; dan
  - Menekankan kepentingan kemudahan awam dan rangkaian jalan raya yang cekap dan mengharapkan pihak berkenaan memberi perhatian kepada jalan-jalan rosak di kawasan kompleks membeli belah.
- iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
- Menekankan kepentingan dan keperluan pegawai-pegawai dan *stakeholders* yang berkaitan untuk sentiasa komited, dedikasi, berintegritas, luhur serta bertanggungjawab dalam memastikan projek dan inisiatif yang dirancang mencapai kualiti yang disasarkan;
  - Memohon pencerahan mengenai strategi dan inisiatif-inisiatif dalam memastikan setiap projek dan rancangan kemajuan akan dilaksanakan dengan berkualiti mengikut piawaian atau spesifikasi yang ditentukan serta dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan; dan
  - Ingin mengetahui kedudukan projek Pusat Kesihatan Pandan, Kuala Belait yang tidak dapat direalisasikan dalam rancangan RKN-11 jika dinilai kedudukannya tidak lagi diperlukan atau diutamakan.
- v. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @Tekpin bin Ya'akub;
- Ingin mengetahui jika projek-projek RKN-12 di bawah tajuk memajukan industri pelancongan memberi perhatian ke arah menaiktaraf tempat-tempat lawatan yang ada di kampung-kampung dan apakah jenis projek-projek yang telah disediakan.

vi. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;

- Ingin mengetahui jika projek-projek di bawah RKN-12 memberi perhatian ke arah kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf tiang-tiang elektrik dan *overhead cables* di kawasan-kawasan pedalaman.

2.3.4. Tajuk SP01A - Kemajuan telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

#### **2.4. TAJUK BAB 1 - GELARAN PENDEK DAN PERMULAAN KUATKUASA**

2.4.1. Akta ini digelar Akta Perbekalan 2024/2025 dan akan mula berjalan berkuatkuasa pada 1hb., April 2024.

2.4.2. Gelaran Pendek dan Permulaan Kuatkuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

### **3. PERKARA VI - RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN 2024/2025**

3.1. "Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan 2024/2025, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" telah dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam Mesyuarat Jawatankuasa, dan seterusnya dipersetujui tanpa sebarang pindaan.

3.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk Rang Undang-Undang dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan.

3.3. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II telah menyokong sepenuhnya untuk Rang Undang-Undang dibaca bagi kali ketiga.

3.4. Kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyokong sepenuhnya akan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025.

3.5. Akta Perbekalan 2024/2025 telah diluluskan dan Akta ini akan berkuatkuasa mulai daripada 01hb., April 2024.

### **4. PERKARA VII - KETETAPAN-KETETAPAN**

4.1. No. 1 – Ketetapan dibawah Perkara 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959

- Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mencadangkan satu ketetapan, iaitu "Majlis ini membuat ketetapan menurut Perkara 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Perkara 83 (3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 2024 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah-Perintah itu diluluskan".
  - Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II telah menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.
- 4.2. No. 2 - Ketetapan dibawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggaj 136)
- Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mencadangkan satu ketetapan, iaitu "Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 (2) Dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggaj 136) bahawa perbelanjaan sejumlah \$500,000,000.00 (Lima ratus juta ringgit) untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2024/2025, dibentangkan sebagai Kertas Nombor 2 Tahun 2024".
  - Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II telah menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SABTU, 23HB MAC 2024 JAM 10:00 PAGI]**

---